

# SYARAT PERTANDINGAN

## NATIONAL SPACE CHALLENGE 2017 (NSC2017)



### Peraturan Umum dan Syarat-syarat

Penganjur :



## A. PERATURAN UMUM

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua **murid sekolah rendah Tahun 4 dan Tahun 5** di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.
2. Penyertaan adalah **secara berpasukan**, iaitu setiap pasukan terdiri daripada :
  - i. **Dua (2) murid** (samada dua murid Tahun 4 atau dua murid Tahun 5)\*; dan diiringi
  - ii. **Seorang (1) guru pembimbing** yang layak dan **beropsyen Sains sahaja**.  
\* Kombinasi seorang murid Tahun 4 dan seorang murid Tahun 5 dalam satu pasukan adalah **TIDAK** dibenarkan.
  - iii. **Setiap murid** perlu mendaftar dan menduduki ujian pada masa yang ditetapkan. Markah setiap murid akan dicampurkan dan markah pasangan tertinggi akan terpilih ke peringkat berikutnya.

3. Pertandingan ini terbahagi kepada tiga (3) peringkat utama seperti berikut:

- i. **Pendaftaran Ujian Online** (<http://www.planetariumnegara.gov.my/>)

Tarikh : **20 Jun hingga 20 Julai 2017**

Kriteria : Setiap murid dari setiap pasukan perlu mendaftar. Semua maklumat perlu diisi sepenuhnya (sila rujuk lampiran)

- ii. **Ujian Kelayakan NSC2017 online** (<http://www.planetariumnegara.gov.my/>) mengikut zon

Tarikh : 09 Ogos 2017 (Rabu) Tempoh masa menjawab: 1 Jam 30 minit

Zon 1 : Perlis, Kedah, Pulau Pinang (8.00 pagi – 9.30 pagi)

Zon 2 : Pahang, Terengganu, Kelantan (10.00 pagi – 11.30 pagi)

Zon 3 : Johor, Melaka, Negeri Sembilan (12.00 tgh – 1.30 tgh)

Tarikh	: 10 Ogos 2017 (Khamis)	Tempoh masa menjawab: 1 Jam 30 minit
Zon 4	: Perak, Selangor, Putrajaya, Kuala Lumpur	(8.00pagi – 9.30 pagi)
Zon 5	: Sabah, Sarawak, Labuan	(10.00 pagi – 11.30 pagi)

### iii. **National Space Challenge Peringkat Kebangsaan**

Tarikh : 13 - 16 Oktober 2017 Tempat: Planetarium Negara, Kuala Lumpur

4. Bahasa yang digunakan ketika **National Space Challenge Peringkat Kebangsaan** adalah dalam **dwi bahasa (Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu)** namun keutamaan adalah dalam Bahasa Inggeris.
5. Hanya **satu (1) pasukan** daripada setiap negeri yang memperolehi **markah kumulatif tertinggi** dalam Ujian Kelayakan NSC2017 akan dipilih untuk menyertai **National Space Challenge Peringkat Kebangsaan** di Kuala Lumpur.
6. Pasukan yang terpilih untuk menyertai **National Space Challenge Peringkat Kebangsaan** akan dimaklumkan melalui surat dan diumumkan di laman sesawang Planetarium Negara iaitu <http://www.planetariumnegara.gov.my/>.
7. Pertukaran pelajar dalam pasukan adalah **TIDAK** dibenarkan.
8. Kos pengangkutan dan perjalanan dari rumah ke destinasi **National Space Challenge Peringkat Kebangsaan** bagi pasukan yang terpilih adalah atas tanggungan sendiri (sila rujuk kepada Jabatan Pendidikan Negeri).
9. Kemudahan penginapan, makan minum dan pengangkutan semasa **National Space Challenge Peringkat Kebangsaan** di Kuala Lumpur akan disediakan oleh pihak penganjur untuk setiap pasukan yang terpilih.
10. Semua syarat dan peraturan pertandingan di atas adalah tertakluk kepada perubahan semasa tanpa notis awal.
11. Keputusan panel hakim adalah **muktamad** bagi semua peringkat dan bahagian pertandingan.

## **B. SYARAT-SYARAT – UJIAN KELAYAKAN NSC2017**

1. Ujian Kelayakan NSC2017 secara *online* akan diadakan pada **2 dan 3 Ogos 2017** selama **1½ jam** serentak di seluruh negeri mengikut zon yang telah ditetapkan.
2. Lokasi ujian adalah di sekolah masing-masing dengan pengawasan pihak sekolah atau di pusat ujian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri.
3. Bilangan penyertaan pasukan bagi setiap sekolah adalah tidak terhad **tetapi terhad kepada kouta 150 peserta** untuk setiap Jabatan Pelajaran Negeri. **Walau bagaimanapun, adalah digalakkan supaya sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri memilih murid terbaik dari setiap sekolah bagi menduduki ujian ini. Jabatan Pendidikan Negeri juga digalakkan untuk memberi peluang kepada semua kategori sekolah iaitu bandar, luar bandar dan pedalaman.**
4. Ujian Kelayakan NSC2017 secara online ini mengandungi **50 soalan objektif** dalam dwi bahasa (Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu) dan peserta wajib menjawab semua soalan.

5. Soalan-soalan ujian adalah berdasarkan kepada sukatan pelajaran sekolah mengikut topik-topik seperti berikut:
  - i. *The Solar System*
  - ii. *Constellation*
  - iii. *The Earth, the Moon & the Sun*
  - iv. *Eclipses*
6. Ujian secara online ini menetapkan masa secara *count down* dan akan tamat secara automatik. Ujian ini mempunyai sistem keselamatan tersendiri dan boleh mengesan tindakan murid sepanjang ujian ini berlangsung.
7. Guru pembimbing adalah dinasihatkan supaya **TIDAK** membantu peserta untuk menjawab soalan.
8. Guru pembimbing adalah **DIWAJIBKAN** untuk memastikan setiap peserta mendaftar nama pasangan sepasukan masing – masing semasa pendaftaran *online*. Mohon rujuk maklumat yang diperlukan pada borang pendaftaran *online* tersebut sebelum mendaftar.

### C. PENGANJUR

Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi penganjur di alamat seperti berikut:

**Alamat :**

**Urusetia NSC2017**

Planetarium Negara,  
Kementerian Sains Teknologi & Inovasi,  
53, Jalan Perdana,  
50480 Kuala Lumpur.

**Tel** : 603-2273 4303 / 5484

**Faks** : 603-2273 5488

**Laman web** : <http://www.planetariumnegara.gov.my/>

**Emel** :

Pn. Nur Fazilah - fazilah@planet.gov.my

**CONTOH  
MAKLUMAT PENDAFTARAN *ONLINE*  
(WAJIB DI ISI)**

---

**First Name**

e.g. James

**Last Name**

e.g. Brown

**Email / Username**

e.g. james@yourcompany.com

**New Password**

Minimum 6 characters

**Group**

Select



**Mobile**

**Country**

**Nama Sekolah**

**Jantina**

Select



**Tahun**

Select



**Nama Guru**

**No. H/P Guru**

**Jantina Guru**

Select



**No. MYKID calon**

**Nama Pasangan**

**Tahun Pasangan**

Select



**Alamat Sekolah**

**Negeri**

Select

